

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATO' SRI HASAN BIN ARIFIN (ROMPIN)**  
**TARIKH : 9 NOVEMBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATO' SRI HASAN BIN ARIFIN** minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan apakah perkembangan terkini cadangan mengenai pewujudan jawatan pembantu guru yang berperanan membantu guru-guru melaksanakan tugas pentadbiran.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan pelantikan pembantu guru secara rintis di Melaka dan Kedah pada tahun 2013 sehingga 2019. Kaedah pelantikan pembantu guru ini adalah secara Pekerja Sambilan Harian (PSH).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, program ini telah diberhentikan pada Disember 2019 kerana memberi implikasi kewangan yang besar kepada Kerajaan.